

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

KENYATAAN MEDIA

JPN KEDAH PASTIKAN KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN MURID TERJATUH DI SEKOLAH DIBERI PERHATIAN

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah prihatin terhadap insiden melibatkan seorang murid Tahun 5 yang mengalami kecederaan akibat terjatuh ketika cubaan menangkap burung di ruang siling sebuah sekolah rendah di daerah Padang Terap.

Kejadian berlaku selepas sesi persekolahan tamat apabila murid berkenaan telah pulang ke rumah dan hadir semula ke sekolah bagi mengikuti kelas Kafa sesi petang.

Murid berkenaan telah mengalami kecederaan dan tindakan segera telah diambil oleh pihak sekolah dengan mendapatkan bantuan kecemasan sebelum mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar bagi menerima rawatan lanjut.

JPN Kedah turut memastikan kebajikan murid dan keluarga terus diberi perhatian termasuk menyediakan sokongan dari aspek emosi, psikologi, khidmat bimbingan dan kaunseling serta bantuan lain yang bersesuaian. Intervensi sokongan emosi juga akan diberikan kepada murid-murid sekolah berkenaan bagi memastikan kesejahteraan mereka sentiasa terpelihara.

JPN Kedah menegaskan bahawa aspek keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan murid sentiasa menjadi keutamaan dan pemantauan secara berterusan terus ditingkatkan.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
7 JULAI 2026**